

MYLABOURHUB PERKUKUH STATUS MALAYSIA SELAKU PENERAJU PENILAIAN INVENTORI DATA TERBUKA DUNIA - DOSM

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 27/05/2025 | Author: MUHAMMAD FAIZ BAHARIN | Others

PUTRAJAYA, 27 Mei (Bernama) -- Platform analitik digital bersepadu *MyLabourHub* dilancarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini, akan mengukuhkan kedudukan Malaysia selaku peneraju penilaian inventori data terbuka di dunia.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata *MyLabourHub*, yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi dengan penyediaan maklumat pasaran buruh terkini, akan membantu meningkatkan skor negara dalam laporan rasmi Pemantauan Data Terbuka (ODW) akan datang.

Beliau berkata portal dibangunkan sepenuhnya DOSM itu, memanfaatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk penggubal dasar, pemain industri dan institusi latihan.

"Seiring aspirasi ke arah sistem statistik berdaya tahan mendepani era inovasi digital, portal ini menyediakan maklumat relevan, tepat dan mudah diakses, sekali gus memangkin pemerkasaan penyampaian perkhidmatan statistik berpaksikan rakyat yang terangkum, bersepadu, telus serta selamat," katanya.

Mohd Uzir berkata demikian semasa berucap melancarkan portal *MyLabourHub* di sini hari ini.

Beliau berkata *MyLabourHub* membolehkan penelitian mendalam dalam penggubalan dasar berasaskan bukti dan membantu pihak berkepentingan memahami kedinamikan pasaran buruh, selain memperkukuh perancangan pelan tindakan, intervensi lebih berimpak tinggi serta responsif terhadap perubahan ekonomi.

Selain itu, *MyLabourHub* menawarkan pelbagai fungsi utama termasuk sebagai platform analisis pasaran buruh dengan memberikan gambaran tentang trend pekerjaan, kadar gaji dan keperluan kemahiran selari dengan dunia pekerjaan semasa.

Mohd Uzir berkata frekuensi kemas kini maklumat disediakan dalam platform berkenaan meliputi tiga kategori iaitu secara bulanan, suku tahunan dan tahunan, dengan segala data diperolehi daripada agensi berkaitan termasuk Jabatan Tenaga Kerja.

Laporan rasmi ODW pada 29 April, menyaksikan Malaysia melakar sejarah apabila menduduki tempat pertama penilaian ODIN 2024/25, mengatasi 198 negara lain dengan skor keseluruhan 90 dan skor keterbukaan data yang cemerlang iaitu 99, sekali gus melonjak dengan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian sama bagi tahun 2022/23.

Sementara itu DOSM dalam kenyataan memaklumkan portal *MyLabourHub* menghimpunkan lebih daripada 101 indikator utama dan 128 indikator sokongan.

“Ia disusun di bawah lapan tema utama termasuk penawaran dan permintaan buruh, produktiviti buruh, siswazah, sektor informal, kos buruh, perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG),” menurut kenyataan itu.

Pelancaran portal itu merupakan satu inisiatif strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), bertujuan menjajarkan semula pasaran buruh negara ke arah pertumbuhan ekonomi inklusif, mampan dan berdaya saing.

-- BERNAMA

TAG: Mohd Uzir Mahidin, DOSM, MyLabourHub, buruh, inovasi digital

MFB SS3 SSS HIS